

**CJS V. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKCP.700-7/1/1218-1220
&
WPH V. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKCP.700-7/1/1224-1226**

**ReveNews**
BY LEGAL DEPARTMENT

 **PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN**

 **PUAN NIK ASMA ANITA BINTI MAKHTAR**

 **13 SEPTEMBER 2024**

Pembayar Cukai Pertama (“CJS”) dan, Pembayar Cukai Kedua (“WPH”) menjalankan aktiviti perniagaan sebagai ejen insurans. CJS dan WPH telah menuntut beberapa perbelanjaan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”).

Perbelanjaan yang dituntut oleh WPH adalah rebat dan diskaun kepada pemegang polisi dan tuntutan perjalanan. Manakala CJS telah menuntut perbelanjaan rebat kepada ejen, pengambilan dan latihan ejen serta tuntutan perjalanan. KPHDN melalui surat bertarikh 18.01.2019 telah memohon kedua-dua Pembayar Cukai untuk mengemukakan dokumen sokongan bagi tujuan semakan dan dokumen dikemukakan oleh kedua-dua Pembayar Cukai pada 16.12.2019. Hasil semakan KPHDN mendapati bahawa dokumen tersebut tidak dapat membuktikan perbelanjaan yang dituntut telah dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan perniagaan. Notis Taksiran Tambahan bersama penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 bagi Tahun Taksiran (“TT”) 2014, 2015 & 2016 telah dibangkitkan ke atas WPH dan CJS, masing-masing bertarikh 21.02.2020 dan 20.02.2020.

Kedua-dua Pembayar Cukai menghujahkan bahawa tujuan dan motif bayaran komisen yang dituntut merupakan komisen daripada bayaran premium pelanggan yang dibayar kepada ejen sambilan. Kedua-dua Pembayar Cukai juga menghujahkan rebat ini turut diberikan sebagai pampasan atau insentif kepada ejen yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh syarikat insurans kerana tidak mencapai sasaran tahunan. Manakala tuntutan perjalanan dituntut adalah bertujuan untuk melatih ejen, menghadiri persidangan tahunan, menghadiri kursus dan majlis makan malam serta mengadakan majlis anugerah tahunan yang dianjurkan oleh kedua-dua Pembayar Cukai..

KPHDN sebaliknya menghujahkan kesemua dokumen yang diberikan bagi menuntut perbelanjaan tersebut meragukan kerana tidak dapat disahkan dan tiada bukti pembayaran dilakukan selain daripada akaun Pembayar Cukai yang tidak teratur. Jumlah yang dituntut juga adalah berbeza dengan resit yang dikemukakan. Bagi tuntutan perjalanan, kedua-dua Pembayar Cukai hanya mengemukakan senarai nama pelanggan di luar kawasan Sibu dan tidak menjelaskan tujuan perjalanan dilakukan. KPHDN juga mendapati terdapat tuntutan bersifat peribadi dibuat oleh kedua-dua Pembayar Cukai. WPH dan CJS juga gagal memanggil saksi atau pihak ketiga bagi membuktikan kesemua perbelanjaan adalah benar-benar dilakukan. Semasa perbicaraan, WPH dan CJS menjelaskan rebat yang dibayar merupakan saguhati yang diberikan atas kerelaan mereka sendiri dan bukanlah satu kewajipan. Berdasarkan ciri dan tujuan perbelanjaan tersebut, KPHDN berhujah bahawa perbelanjaan tersebut adalah bersifat modal dan tidak dilakukan bagi tujuan menghasilkan pendapatan.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memutuskan bahawa kedua-dua Pembayar Cukai telah gagal membuktikan rayuan mereka di bawah Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan KPHDN mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk membangkitkan taksiran dan mengenakan penalti terhadap kedua-dua Pembayar Cukai di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967. Rayuan kedua-dua Pembayar Cukai ditolak dan Notis Taksiran Tambahan bagi TT 2014, 2015 dan 2016 berserta penalti adalah dikekalkan.

Nota Editor

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*